

15 APR 1999

LELONG-DANA

LELONGAN HARTA DANA KHAS NEGARA PADA 22 APRIL INI

KUALA LUMPUR, April 15 (Bernama) -- Kementerian Kewangan akan mengadakan majlis lelongan harta-harta yang disumbangkan kepada Dana Khas Negara pada 22 April ini, kata Timbalan Menteri Kewangan I Datuk Wong See Wah.

Majlis tersebut akan dirasmikan oleh Menteri Kewangan II Datuk Mustapa Mohamed, jelas Wong kepada pemberita di sebuah sidang akhbar di sini hari ini.

Katanya, harga rezab bagi keseluruhan barang yang akan dilelong itu adalah berjumlah RM3.9 juta,

"Adalah diharapkan melalui proses lelongan ini kita akan dapat harga yang lebih tinggi," katanya.

Menurut Wong, sumbangan untuk Dana Khas Negara setakat ini telah mencecah RM35 juta ringgit.

"Adalah dijangkakan dengan penjualan barang-barang ini secara lelong kita akan dapat menambah lagi amaun berkenaan," katanya.

Katanya lagi, Dana Khas Negara akan diteruskan sehingga kerajaan memutuskan sebaliknya.

Sementara itu, sebanyak 37 jenis barangan akan dilelong pada majlis yang akan diadakan pada hari tersebut di Restoran Seri Melayu, Kuala Lumpur bermula jam 3.00 petang, kata Wong.

Ini termasuklah sumbangan mata wang asing daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, barang-barang kemas sumbangan Datin Seri Dr Siti Hasmah, barang perak, pewter, kristal, pen, mutiara dan jam tangan serta lot banglo dan unit banglo di College Heights Garden Resort, Negeri Sembilan.

Harga rizab bagi setiap barangan adalah berbeza-beza, bermula dari RM500 untuk sebuah pasu pewter hinggalah RM800,000 untuk satu unit banglo.

Bagi matawang asing sumbangan Dr Mahathir, ianya akan dijual dalam bentuk bingkai dan album dengan harga rezab RM20,000 dan RM10,000 masing-masing.

Menurut Wong, setiap penyertaan dalam lelongan tersebut akan dikenakan bayaran sebanyak RM100 bagi memastikan hanya mereka yang benar-benar berminat untuk membeli sahaja yang akan hadir.

Jumlah kerusi yang disediakan juga adalah terhad iaitu sebanyak 350 buah sahaja, tambahnya.

Bagi orang ramai yang ingin mengambil bahagian di dalam lelongan ini, mereka boleh menghubungi Malaysia On Call, yang juga merupakan penaja bersama, di nombor telefon: 03-7566666 untuk maklumat lanjut.

-- BERNAMA

NLY OS